

# Graduan kelas pertama mahu ‘kayuh’ lebih ligat



**TERUS PERTINGKAT DIRI:** Syasya Naqiyah Amir enggan berpeluk tubuh dengan ijazah kelas pertama yang baru diraih tetapi mahu terus menimba ilmu supaya dapat bersaing dalam dunia kerjaya yang amat kompetitif. – Foto M.O. SALLEH

**SITI NUR ‘ALIAH GHAZALI**  
(sghazali@sph.com.sg)

**GRADUAN** Universiti Nasional Singapura (NUS) Syasya Naqiyah Amir bukan sekadar hebat dalam pengajiannya – meraih kepujian kelas pertama dalam jurusan pentadbiran perniagaan baru-baru ini.

Gadis jelita berusia 23 tahun itu juga ligat dengan kegiatan berbasikal jarak jauh serta gemar berkongsi tip solekan.

Dalam wawancara bersama Lensa Milenial, Syasya tiba kelihatan langsing dan ayu.

Suara yang ceria dan riang tawanya sering kedengaran sepanjang sesi temu ramah.

“Saya gemar berbasikal di beberapa taman di Singapura.

“Seringkali, saya akan berbasikal tanpa memikirkan waktu mahupun jarak dan ada kala sehingga berjam-jam,” katanya sambil tertawa.

Syasya mula berbasikal sewaktu beliau menuntut di Maktab Rendah Victoria. Syasya menganggap ia sebagai aktiviti bersukan kegemaran beliau.

“Berbasikal merupakan aktiviti yang sering saya lakukan semasa saya tertekan dengan kerja sekolah,” ujar beliau.

Syasya gemar berbasikal kerana ia membuat beliau berasa bebas.

“Saya rasa seperti sedang terbang setiap kali berbasikal. Itu membuat saya berasa bebas.”

Beliau sering menggunakan perkhidmatan kongsi basikal untuk bergerak dari satu tempat ke tempat yang lain.

“Perkhidmatan kongsi basikal adalah satu alternatif yang mudah kerana jika saya terlalu sibuk dengan tugas sekolah, saya akan sentiasa menggunakan perkhidmatan itu.

“Seperti contoh, jika saya hendak ke stesen MRT dari rumah, saya akan menggunakan khidmat kongsi basikal.

“Ini merupakan cara saya beriadah di waktu-waktu sibuk,” katanya beliau.

Anak sulung itu mempunyai seorang adik perempuan. Bapanya jurutera aeroangkasa, ibunya pula suri rumah.

Apabila ditanya, Syasya enggan mendedahkan sama ada beliau sudah berpunya atau masih ‘single’.

Selain bersenam, beliau juga gemar bersolek. Tidak dinafikan, wanita sudah tentunya mahu kelihatan cantik setiap hari.

Syasya yang lebih menggemari jenama make-up dari Korea berbanding jenama Barat berkata:

“Pada pendapat saya, jenama make-up Korea lebih ‘natural’ berbanding jenama Barat. Ia juga lebih sesuai bagi kulit wanita Asia.”

Beliau yang mula bersolek pada usia 18 tahun menggemari bintang YouTube seperti Michelle-Phan dan JuicyStar07.

“Saya gemar bereksperimen dengan make-up terutamanya pembayang mata. Produk make-up kegemaran saya adalah gincu,” kata Syasya.

Beliau yang berazam mahu memulakan sebuah laman YouTube bukan sahaja mahu berkongsi tip solekan malah berbincang tentang isu sedunia.

“Saya suka berkongsi pendapat dan berbincang dengan ramai tentang isu dan masalah sosial.

“Ini merupakan wadah yang menarik untuk saya berbuat begitu. Saya dapat berbincang tentang masalah sosial yang serius dalam suasana yang santai,” ujarnya.

Beliau yang pernah aktif sebagai seorang penyampai radio di Radio Pulze, stesen radio kampus NUS, berasa kurang yakin memulakan laman YouTube kerana terfikirkan pandangan orang lain terhadapnya.

“Melalui laman YouTube, saya tak nafikan bahawa ia semakin mudah berkongsi pendapat namun kesannya, saya akan menerima sorotan awam.

“Tetapi, saya tetap akan memulakannya secepat mungkin sebagai wadah saya berhubung dengan seluruh dunia,” katanya.

Ditanyakan tentang rancangan beliau selepas ini, Syasya kini sedang giat mencari pekerjaan dan mengambil kursus peningkatan dalam bidang yang ‘panas’ di pasaran seperti pengekodan dan analisis data.

“Setelah berita mengenai saya dan rakan NUS di majlis konvoikesyen disiarkan di Berita Harian, ia seakan membantu memperluaskan rangkaian kenalan dan peluang yang saya ada,” katanya.

Syasya menambah bahawa ijazah kelas pertama tidak menjanji kejayaan berterusan dalam dunia kerjaya yang amat mencabar di masa depan.

“Ijazah memberi saya pendidikan asas misalnya dalam kemahiran analisis data namun saya mahu terus mempertingkat kemahiran dalam bidang ini,” kata Syasya.



**Apakah cara terbaik  
mengenakan  
'make-up'?**

**Syasya Naqiyah Amir  
berikan panduan.**

**Saksikan video dan  
gambar-gambar  
daripada sesi foto  
Syasya di laman web  
dan Facebook  
BeritaHarian.sg**